

# Lulus Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan disokong

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pencinta Haiwan Selangor (SPCA) melahirkan rasa gembira kerana Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015, akhirnya diluluskan selepas menunggu hampir lima tahun.


Penaungnya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata isu kezaliman membabitkan haiwan boleh mewujudkan perpaduan di antara parti pemerintah dan pembangkang.

"Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan yang dibentang semalam, mendapat undian dan sokongan majoriti kedua-dua belah pihak.

"Sudah tiba masanya, isu kebajikan haiwan ini perlu diberi perhatian yang lebih serius," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

## Kebajikan haiwan terjaga

Lam Thye berkata, lembaga kebajikan haiwan akan ditubuhkan di bawah undang-undang berkenaan yang dipengerusikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,



*"Sudah tiba masanya, isu kebajikan haiwan ini perlu diberi perhatian yang lebih serius"*

**Lee Lam Thye,**  
Penaung SPCA Selangor

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Saya mencadangkan agar kementerian melantik pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan kebajikan haiwan menjadi ahli lembaga terbabit, bagi memastikan kebajikan haiwan ini terjaga," katanya.

Beliau berkata, SPCA sudah menghubungi Kerajaan Selangor meminta untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan

(PBT) negeri itu, sekiranya ada operasi menangkap haiwan liar.

Katanya, kebanyakannya haiwan liar yang ditangkap sebelum ini dibunuh PBT yang sekali gus menampakkan kezaliman terhadap haiwan.

"Bagi SPCA, haiwan terbiar ini tidak perlu dibunuhi kerana kita menggunakan konsep 'Tangkap, Mandul, Lepas dan Urus' (TNRW) bagi membendungnya," katanya.